

Kosmo 22/11/09 M/S 8

Kuman baru taun serang Terengganu

Oleh **MANIRAH OTHMAN**
manirah.othman@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Penularan wabak taun yang menjangkiti 145 pesakit di Terengganu dikenal pasti berpunca daripada sejenis bakteria baru daripada jenis *Vibrio Cholera* dan ia dipercayai tersebar melalui ikan yang digunakan dalam perusahaan keropok.

Bakteria itu pertama kali dikesan di negara ini dan ia sama seperti *Vibrio Cholera* biasa tetapi mempunyai genetik protein yang berbeza.

Selain ikan, ia juga dikesan terdapat pada sampel ayam mentah dari Pasar Borong Gong Pauh, Wakaf Mempelam dan air dari beberapa buah kilang ais di sekitar negeri ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, hasil ujian makmal mendapati antara punca bakteria itu tersebar ialah melalui ikan yang dipercayai dibawa masuk dari Thailand melalui Kompleks Perikanan Chendering yang kemudian digunakan dalam perusahaan keropok.

"Kuman (bakteria) taun baru itu menyebabkan pesakit sukar diubati pada peringkat awal sejak seminggu lalu, namun kementerian telah mengambil langkah segera dan berjaya menemui antibiotiknya selepas beberapa kajian



BENTUK bakteria *Vibrio Cholera* di bawah mikroskop.

dilakukan," katanya.

Semalam Tiong Lai melawat beberapa pesakit taun yang dirawat di sembilan wad pengasingan di Hospital Sultanah Nur Zahirah di sini.

Menurutnya, kajian yang telah dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perubatan mendapati bakteria kolera itu daripada jenis berlainan yang tidak bertindak balas dengan antibiotik biasa.

"Tetapi sekarang kita sudah menemui antibiotik untuk menanganinya

dan ia memberi keputusan yang baik kepada pesakit," katanya.

Beliau memberitahu, sebanyak 20 premis iaitu 11 kilang ais, empat kilang keropok dan lima buah restoran diarahkan tutup selepas pemeriksaan dijalankan di 115 premis makanan di seluruh negeri ini.

Mengulas lanjut mengenai penularan wabak taun, Tiong Lai memberitahu, seramai 621 pesakit cirit-birit *Acute Gastroenteritis* dimasukkan ke wad dan daripada jumlah itu seramai 161 sudah dibenarkan pulang iaitu melibatkan 16 kes positif dan selebihnya negatif penyakit tersebut.

Tiong Lai berkata, bakteria itu sebenarnya akan mati sekiranya sesuatu makanan yang disajikan dimasak dengan sempurna.

"Kuman ini mudah berjangkit melalui makanan yang tidak bersih atau makanan yang belum dimasak tetapi jika makanan itu dimasak, kuman ini akan mati dan ia tidak memberi kesan sampingan kepada manusia," katanya.

Katanya, serangan bakteria *Vibrio Cholera* itu berbeza dengan kuman taun yang biasa kerana ia tidak dapat dikawal menggunakan antibiotik sedia ada sebaliknya menggunakan dua antibiotik jenis baru iaitu Chloramphenicol dan Ciprosloxacin.

Info *Vibrio Cholera*

- Mula ditemui pada 1854 oleh Filippo Pacini. Ia juga dikenali sebagai *Kommabacillus*.
- Berbentuk rod melengkung dan mempunyai flagellum berketub.
- Menjangkiti usus dan meningkatkan pengeluaran lendir sehingga menyebabkan cirit-birit dan muntah serta kematian jika tidak dirawat.
- Bakteria ini boleh dipindahkan melalui najis atau orang yang telah dijangkiti.
- Risiko tinggi terhadap mereka yang minum air kotor atau makanan tercemar.
- Mudah didapati di beberapa negara di Afrika serta India kerana sistem kumbahan dan perawatan air yang tidak sempurna.

Tanda-tanda jangkitan taun

- Cirit-birit berterusan serta muntah yang teruk.
- Najis cair dan berwarna.
- Selepas beberapa jam diserang, otot kejang terutama di pergelangan kaki dan perut.
- Tekanan darah menurun, nadi lemah, lidah kering dan mata cengkung

Panduan elak jangkitan

- Minum air yang dimasak. Gunakan air bersih seperti air paip atau telaga yang dibubuh klorin.
- Makan makanan panas dan elakkan makanan sejuk seperti ais atau air batu campur. Jika ingin makan di gerai, pastikan gerai itu bersih.

Sumber: Pusat Racun Negara, www.microbewiki.kenyon.edu